

## Silat Gerak Kilat 16 MAR 1989 di Tamparuli

KEJOHANAN silat olahraga Gerak Kilat peringkat Sabah akan berlangsung di Dewan Masyarakat Tamparuli, Ahad ini, lapor **HAMID ASIN**.

Yang Dipertua Persatuan Seni Silat Gerak Kilat Sabah, Jafar Zainuddin, berkata kejohanan yang j lung kali diadakan itu dibahagikan kepada dua ketergeri iaitu bunga (gaya persembahan) dan olahraga gerak kilat.

Acara bunga dibuka kepada pesilat negeri manakala olahraga gerak kilat hanya untuk kepada ahli ahlinya sahaja.

**G. Harian (M)**

Kejohanan itu dianjurkan bersama oleh Persatuan Seni Silat Gerak Kilat Malaysia kawasan Sabah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS), Jabatan Kebudayaan Wilayah Sabah dan Persatuan Seni Silat Olahraga Sabah (PESSOS).

Ia bertujuan mempopularkan silat dan mencungkil bakat baru.

Sementara itu, PESSOS akan menganjurkan kejohanan silat olahraga peringkat Pantai Barat di Dewan Masyarakat Menggatal pada 1 April depan.

Setiausaha, Mohd Syum Abdul Majid, berkata kejohanan itu dibuka kepada persatuan-persatuan seni silat bahagian Pantai Barat sahaja.

### SILAT

## Anida utamakan pelajaran

22 MAR 1989 **G. Harian (M)**

daripada perlawanannya akhir.

Siti Anida, pemenang pingat gangsa Kejuaraan Silat Sedunia '87, di Kuala Lumpur itu, gagal menjalani latihan pusat di Kuala Lumpur, Disember lalu.

Sulaiman berkata, ketiadaan Siti Anida tidak akan menjelaskan matlamat Pesaka untuk mengharapkan sekurang-kurangnya lima pingat emas menerusi pesilat-pesilat di temasya sukan terbesar Asia Tenggara, Ogos ini.

Katanya, latihan pusat peringkat keenam selama dua minggu akan diadakan pada Jun ini.

"Latihan terakhir itu akan menentukan pemilihan sebenar pesilat untuk mewakili negara," kata beliau.

Sehubungan itu, Sulaiman meminta semua pesilat kebangsaan mengekalkan tahap kecergasan fizikal sebelum latihan pusat peringkat keenam di Kuala Lumpur.

Selain itu, katanya Pesaka berpuas hati dengan laporan mengenai pencapaian pesilat negara sewaktu menjalani latihan peringkat kelima di Kota Bharu.

NAIB juara Kelas D kebangsaan, Siti Anida Mahadi, membuat keputusan menarik diri daripada skuad Sukan SEA '89 kerana menghadapi masalah pelajaran, di samping menghadapi masalah cuti untuk menjalani latihan pusat, lapor **MOHD RAHIME YUSOF**.

Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu sudah menyatakan hasratnya itu kepada Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Januari lalu.

Penolong setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan, yang mengesahkan perkara itu semalam, berkata "Kami terpaksa menerima keputusan Siti Anida demi kepentingan pelajarannya."

Setakat ini, katanya Pesaka tidak bercadang mengambil mana-mana pesilat untuk mengisi kekosongan itu kerana juara Kelas D, Rohana Manaf berupaya membawa cabaran di Sukan SEA nanti.

Rohana menjuara Kelas D kejohanan kebangsaan di Port Dickson, tahun lalu, apabila Siti Anida menarik diri